

29/12/2003

Masyarakat IT agenda negara

Khairul Anuar Abdul Samad

PADA awalnya senario Jaring akan digabungkan dengan TMNet dianggap cakap kosong di kalangan industri teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sehinggakan menimbulkan satu tanda tanya besar, siapakah si mulut celupar yang berani menjadi `batu api' menyebar cerita yang belum sah.

Daripada percakapan yang dianggap `gossip panas' dalam industri ICT negara, kini ia hampir menuju realiti.

Bajet 2004 pada September lalu yang diumumkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mencatat sejarah baru dalam industri perkhidmatan internet negara apabila dengan sahnya Jaring akan digabungkan dengan TMNet.

Pengumuman yang mengejutkan selain dinanti-nantikan sesetengah pihak adalah satu lakaran hebat dalam sejarah internet negara sepanjang tahun ini.

Dr Mahathir tidak menghurai panjang lebar mengenai penggabungan itu, namun ia harus dilihat dari sudut positif untuk kepentingan internet negara yang berkemungkinan besar boleh melonjakkan negara ke persada internet yang lebih hebat.

Namun, ada yang bersikap negatif mengenai usaha penggabungan ini memandangkan ia akan diambil alih oleh Telekom yang dikenali ramai sebagai syarikat besar yang dikatakan mempunyai motif tertentu di sebaliknya.

Penggabungan Jaring dan TMNet itu boleh dianggap sebagai satu kudis kecil dalam industri ICT negara sepanjang tahun ini kerana dalam Bajet 2004 turut dilimpahi rahmat lain yang bakal menjanjikan perkembangan pesat industri itu.

Bajet 2004 boleh dianggap buah tangan terakhir Dr Mahathir untuk industri ICT negara apabila turut mengumumkan Telekom akan mengurangkan caj capaian internet untuk menawarkan internet jalur lebar lebih murah selain memberikan diskaun 50 peratus bagi pakej industri dan korporat, bermula dengan 30 peratus bagi fasa satu dan 20 peratus lagi bagi fasa dua manakala bagi pengguna lain, potongan 30 peratus bagi caj internet jalur lebar pengguna.

Memandangkan perkhidmatan jalur lebar dijangka akan berkembang tahun depan, pakej yang ditawarkan melalui bajet ini mampu menjadi pemangkin peningkatan penggunaan jalur lebar di negara ini serta meletakkan Malaysia sebagai antara utama rantau ini dalam menyediakan perkhidmatan jalur lebar.

Pihak yang paling seronok dengan pengumuman itu ialah Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia (Pikom) yang menyifatkan Bajet 2004 sebagai mesra kepada industri ICT tempatan kerana menyediakan insentif besar terutamanya bagi syarikat ICT yang banyak dalam kategori Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS).

Selain itu, tahun ini projek mega negara, Koridor Raya Multimedia (MSC) turut menjadi perhatian yang mana ada pihak dengki dengan kejayaannya dengan mengecam hebat kejayaannya apabila dikatakan projek `gajah putih'.

Namun kejayaan projek itu dengan mencatat lebih 900 syarikat berstatus MSC berbanding sasaran awalnya hanya untuk mencapai 500 syarikat menjelang 2003 menjadi satu tamparan hebat kepada pengkritik projek itu. Daripada jumlah syarikat itu, 67 peratus adalah syarikat tempatan.

Sebagai bapa kepada projek itu, Dr Mahathir menganggap ia kejayaan besar kepada MSC. Hasil perkembangan pesat MSC, ia akan memasuki fasa kedua yang akan dikembangkan ke pusat pertumbuhan teknologi maklumat (IT) di seluruh negara bagi membolehkan rakyat menikmati pendapatan lebih tinggi menerusi penyertaan dalam industri itu.

Mesyuarat ketujuh Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC yang dipengeruskannya Dr Mahathir bagi kali terakhir di Cyberjaya dihadiri 31

anggota IAP serta wakilnya yang mana ini adalah jumlah kehadiran paling ramai sejak mesyuarat penasihat MSC pertama di Universiti Stanford pada 1997.

Seperti negara lain, Malaysia turut merebut peluang dalam perkembangan ICT dunia apabila muncul setaraf dengan negara maju dalam ICT apabila berjaya mendapat hak pembelian, paten dan rekaan teknologi cip Malaysian Microchip (MM Chip) sekali gus menguasai pemilikan modal 50 peratus dalam First Hill Electronic Co (M) Sdn Bhd.

Matlamat kerajaan mengambil alih hak rekaan, pemilikan paten, pengeluaran dan pemasaran MM Chip itu kerana ia mempunyai pulangan lebih penting berbanding wang semata-mata khususnya teknologi canggih berkaitan dengannya.

MM Chip yang direka oleh syarikat Jepun dan berdasarkan teknologi Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) adalah cip terkecil ketika ini serta mampu digunakan dalam pelbagai aplikasi.

Tahun ini juga mencatat sejarah apabila Malaysia dipilih sebagai penganjur kali ke-16 kongres dunia mengenai teknologi maklumat (IT) 2003 (WCIT2008). Pemilihan ini menjadikan Malaysia negara pertama di rantau ini dipilih menganjurkan acara ICT bertaraf dunia ini.

WCIT adalah acara dwitahunan persidangan eksekutif ICT dunia di bawah naungan Pakatan Perkhidmatan dan IT Dunia (WITSA) yang bukan saja menjadi medan forum untuk industri berkaitan tetapi mampu menarik penyertaan tokoh utama dunia seperti Bill Gates, Michael Dell, Mikhail Gorbachev, Bill Clinton dan Margaret Thatcher.

Dalam meraikan banyak kejayaan dalam industri ICT tahun ini, negara kehilangan tokoh penting bidang itu apabila bekas Pengerusi Eksekutif Multimedia Development Corp (MDC), Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah kembali ke rahmatullah, September lalu kerana barah paru-paru.

Tahun 2003 tahun paling hebat ICT negara sehingga mampu menempuhi segala kesukaran sebagaimana yang dihadapi oleh ICT global. Yang pasti, ICT tetap menjadi keutamaan dan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menolak andaian kononnya projek MSC akan menghadapi zaman gelap selepas Dr Mahathir bersara.

"Semua harus bekerjasama penuh menjayakan MSC supaya Malaysia bersedia memikul cabaran lebih besar dalam dunia teknologi maklumat pada masa depan," katanya.